

21 NOV 2003

Dompok-Penggiliran

DOMPOK SAMBUT BAIK BN BINCANG SEMULA SISTEM PENGGILIRN KM

TELUK LIKAS, 21 Nov (Bernama) -- Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok hari ini menyambut baik kesediaan Barisan Nasional (BN) Sabah untuk mengkaji semula sistem penggilirian Ketua Menteri Sabah.

Semalam, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Sabah Datuk Seri Salleh Tun Said berkata, UMNO Sabah akan memanggil mesyuarat bagi membincangkan perkara itu dengan parti komponen BN lain selepas sambutan Aidilfitri ini.

"Mesyuarat itu sepatutnya sudah lama diadakan, saya sendiri sentiasa menunggu untuk dipanggil menghadirinya dan kini gembira kerana akhirnya ia menjadi kenyataan, "kata Dompok kepada pemberita di sini selepas meninjau kemajuan pembinaan kompleks baru Pejabat Kerajaan Persekutuan.

Dompok berkata beliau tidak mahu meramalkan keputusan yang akan dicapai pada mesyuarat itu tetapi berharap BN Sabah dapat menangani isu berkenaan dengan cara yang mampu menstabilkan lagi suasana politik di negeri ini bagi membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada agenda pembangunannya.

Ditanya sama ada UPKO bersedia menerima formula baru berkaitan perkongsian kuasa di negeri ini, Dompok berkata beliau akan menyokong apa jua langkah yang boleh menyelesaikan masalah yang timbul berikutan pelaksanaan sistem tersebut.

Sistem Penggilirian Ketua Menteri Sabah yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mula diamalkan oleh BN di negeri ini pada Mac 1994. Ia bertujuan memberi peluang kepada para pemimpin tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- menerajui negeri ini selama dua tahun secara bergilir.

Sistem berkenaan melalui sedikit pindaan pada Mac 2001 yang memberi kelebihan kepada UMNO. Melalui pindaan berkenaan, pemimpin UMNO akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri setiap kali selepas berakhirnya giliran sesuatu masyarakat.

Sebanyak tujuh Ketua Menteri telah dilantik melalui sistem tersebut. Mereka ialah Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Datuk Seri Musa Aman who is the present Chief Minister.

-- BERNAMA

MK SP BK